

**Keperluan Aktiviti Kokurikulum (Beruniform) Kepada Pelajar Tingkatan Empat Di Sekolah Menengah Kebangsaan Di Daerah Langkawi**

Lokman Bin Mohd Tahir & Osmayati Othman

Fakulti Pendidikan

Universiti Teknologi Malaysia

**Abstrak :** Kokurikulum merupakan wadah paling berkesan untuk merealisasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan terutamanya dalam konteks melahirkan pelajar seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial yang akhirnya dapat mewujudkan sumber manusia berkemahiran tinggi di Malaysia. Masalah untuk menentukan keperluan aktiviti kokurikulum (beruniform) di sekolah yang telah lama wujud dan dikenali sebagai aktiviti luar bilik darjah di negara kita. Secara umumnya kajian ini adalah untuk mengetahui keperluan aktiviti kokurikulum (beruniform) pelajar di sekolah menengah. Kajian ini telah dijalankan ke atas 301 orang pelajar tingkatan empat di sekolah menengah kebangsaan di daerah Langkawi. Kajian ini dijalankan secara deskriptif menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen. Dapatkan kajian kemudiannya di analisis melalui komputer dengan menggunakan perisian *Statistical Package For Social For Window Version 13.0* (SPSS 13.0). Dapatkan kajian menunjukkan bahawa aspek kepimpinan berada pada tahap tinggi di mana ia merupakan aspek penting yang mempengaruhi seseorang pelajar dalam pemilihan menyertai aktiviti kokurikulum. Aspek memupuk nilai intergrasi kaum pula berada pada tahap sederhana. Aspek disiplin berada pada tahap rendah dan ini menunjukkan aktiviti kokurikulum merupakan satu keperluan bagi pelajar di sekolah. Kajian ini juga memberi cadangan kepada pihak-pihak tertentu agar mereka boleh mengambil tindakan dengan mewujudkan program baru dalam aktiviti kokurikulum yang boleh membantu mengukuhkan dan meningkatkan pengetahuan pelajar dalam pelbagai bidang.

**Katakunci :** keperluan aktiviti kokurikulum (Beruniform)

**Pendahuluan**

Mendefinisikan kokurikulum merupakan wadah paling berkesan untuk merealisasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan terutamanya dalam konteks melahirkan pelajar seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial yang akhirnya dapat mewujudkan sumber manusia berkemahiran tinggi di Malaysia. Aktiviti kokurikulum adalah aktiviti yang bercorak pendidikan dan juga adalah sebahagian daripada pengalaman pembelajaran. Kegiatan ini boleh dijalankan di dalam dan di luar bilik darjah, seperti gerak kerja unit beruniform, persatuan, kelab, sukan dan permainan. Ianya turut boleh dilaksanakan sebagai lanjutan kepada proses pembelajaran dan pengajaran di bilik darjah serta sebagai pelengkap kepada usaha menanam dan mengukuhkan nilai-nilai murni ke dalam jiwa pelajar.

Bagi Md. Idris (1985), kokurikulum adalah satu bidang pembelajaran yang berasaskan pelbagai gerak kerja terancang dan perlu dilakukan dalam masa persekolahan. Gerak kerja kokurikulum berasaskan mata pelajaran akademik. Namun begitu sebahagian besar gerak kerja kokurikulum merangkumi pembelajaran yang bukan berasaskan mata pelajaran akademik.

Berdasarkan peraturan-peraturan Pendidikan (Kursus-Kursus Pengajian) Sekolah 1965, kegiatan kokurikulum disebut sebagai ‘kegiatan kumpulan’ yang merangkumi aktiviti seperti kelab mata pelajaran, kegiatan kesusteraan, olah raga, permainan dan latihan. Secara keseluruhan ada 162 jenis kegiatan kokurikulum yang boleh dipilih pelajar merangkumi unit beruniform sebanyak 23 jenis, persatuan dan kelab, 51 jenis persatuan sukan dan permainan, 24 jenis.

Sebagai satu kegiatan kumpulan, penyertaan yang aktif boleh membantu pelajar meningkatkan kemahiran sosial (*soft skills*) mereka. Dengan kemahiran sosial yang baik, tahap interaksi dan integrasi di kalangan pelajar dapat dipertingkatkan lagi. Melalui penglibatan dalam unit beruniform pula, ia dapat meningkatkan semangat kerja berpasukan, ketahanan mental dan fizikal, semangat patriotik, tahap disiplin selain kemahiran di kalangan pelajar.

Secara amnya, kurikulum adalah aktiviti dan pengalaman pendidikan yang dilaksanakan di luar bilik darjah di mana ia lebih banyak dilaksanakan secara tidak langsung atau tidak formal. Aktiviti kurikulum lebih menekankan perkara dan aspek yang tersembunyi seperti nilai, bakat, peranan, kepimpinan, sosial dan sebagainya. Kebiasaannya aktiviti kurikulum dilaksanakan pada waktu petang atau hujung minggu. Sesetengah aktiviti dijalankan di dalam bilik darjah mengikut kesesuaian sesuatu aktiviti seperti kuiz, syarahan, ceramah dan sebagainya. Terdapat juga beberapa jenis kurikulum yang mempunyai kurikulumnya kemas lagi terancang. Contohnya seperti pergerakan pengakap, pandu puteri, bulan sabit merah, dan lain-lain lagi (Abd Halim, 1999).

### **Pernyataan Masalah**

Menurut Che Mohd Amil (1991), menyatakan di negara kita kesedaran terhadap betapa pentingnya menyediakan anak-anak muda supaya mempunyai sikap bertanggungjawab telah lama wujud dan direalisasikan dengan usaha-usaha di pelbagai peringkat. Sama ada di peringkat sekolah, institusi pengajian tinggi dan di kalangan pelajar-pelajar. Usaha memupuk sikap ini telah dilakukan melalui kegiatan kurikulum dengan aktiviti yang dijalankan di luar waktu persekolahan. Malangnya ramai pelajar yang terpengaruh dengan pendapat yang menyatakan bahawa penyertaan dalam kegiatan kurikulum tidak mendatangkan apa-apa faedah dan hanya membazirkan masa dan wang ringgit. Justeru itu, tidak hairanlah sekiranya hanya sebilangan kecil sahaja pelajar yang bergiat cergas dalam kegiatan kurikulum ini berbanding dengan bilangan sebenar pelajar di sekolah itu. Bagi Mashitah (1994) pula, terdapat juga pelajar yang terlibat dalam kegiatan kurikulum berkecenderungan aktif dalam sukan tetapi tidak berminat dalam kegiatan lain seperti unit beruniform atau persatuan akademik dan begitu sebaiknya.

Berdasarkan maklumat diatas, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti keperluan aktiviti kurikulum (beruniform) kepada pelajar tingkatan empat di Sekolah Menengah Kebangsaan di Daerah Langkawi. Penekanan terhadap kepimpinan, disiplin dan intergrasi kaum telah dikenalpasti sebagai aspek untuk mengetahui keperluan aktiviti kurikulum (beruniform).

### **Objektif Kajian**

Kajian yang dijalankan ini mempunyai beberapa objektif yang bertujuan :-

1. Mengkaji peranan aktiviti kurikulum dalam menerapkan kualiti kepimpinan di kalangan pelajar.
2. Mengkaji peranan aktiviti kurikulum dalam memupuk nilai intergrasi di kalangan pelajar.
3. Mengkaji peranan aktiviti kurikulum dalam meningkatkan tahap disiplin pelajar.

### **Kepentingan Kajian**

Kepentingan kajian ini adalah untuk mengenalpasti keperluan aktiviti kurikulum di sekolah. Hasil kajian akan dapat mengetahui perubahan sikap pelajar dari aspek memupuk kepimpinan, memupuk nilai intergrasi dan meningkatkan tahap disiplin melalui penglibatan

pelajar dalam program kokurikulum (beruniform) di sekolah. Kajian yang dilaksanakan penting kepada semua guru dan pelajar sekolah.

### **Reka bentuk kajian**

Rekabentuk kajian digunakan sebagai panduan bagi pengkaji mendapatkan data dan maklumat. Penyelidikan ini merupakan satu bentuk kajian deskriptif dengan menggunakan kaedah tinjauan untuk mendapatkan maklum balas dari responden. Kajian ini merupakan suatu kajian berbentuk deskriptif yang menggunakan pendekatan tinjauan. Menurut Mohd. Majid (1994), kajian berbentuk deskriptif adalah sesuai digunakan dalam penyelidikan yang bermatlamat untuk menerangkan atau sesuatu fenomena yang sedang berlaku. Dalam kajian ini, fenomena yang dikaji menjelaskan dengan menggunakan borang soal selidik dengan harapan dapat mengumpulkan maklumat dengan cepat dan mendapat gambaran yang mendalam tentang peranan aktiviti kokurikulum dalam memupuk nilai intergrasi kaum di kalangan pelajar, peranan aktiviti kokurikulum dalam meningkatkan tahap disiplin pelajar dan peranan aktiviti kokurikulum dalam menerapkan kualiti kepimpinan, perwatakan sahsiah dan kemasyarakatan di kalangan pelajar.

Berdasarkan pengertian yang diberikan oleh Mohamad Majid (2000), penyelidikan deskriptif bermatlamat untuk menerokai sesuatu bidang yang belum atau kurang dikaji. Menurutnya, soal selidik lebih praktikal dan berkesan digunakan kerana penggunaannya dapat meningkatkan ketepatan dan kebenaran gerakbalas yang diberikan oleh responden. Mereka bebas menyatakan pendapat sendiri untuk menjawab setiap item yang dikemukakan.

### **Sampel kajian**

Kaedah persampelan yang digunakan pula adalah kaedah persampelan rawak berstrata. Persampelan rawak berstrata adalah sampel kajian yang dipilih dimana terdapat beberapa peringkat pemilihan sampel secara rambang tanpa had digunakan. Penggunaan persampelan berlapis menambahkan peluang kepada penyelidik mendapatkan data yang mewakili populasi dan dengan itu menambahkan ketepatan keputusan.

Populasi kajian adalah terdiri daripada pelajar-pelajar tingkatan empat di lima buah sekolah menengah di daerah Langkawi, Kedah. Bilangan populasi adalah seramai 1300 orang pelajar. Penyelidik mengambil seramai 301 orang pelajar sebagai responden. Jumlah responden yang diambil adalah sesuai mengikut jadual persampelan Krejcie dan Morgan (1970).

### **Instrumen kajian**

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk soal selidik. Menurut Mohd. Majid (1994), soal selidik adalah instrumen yang digunakan untuk mendapatkan maklumat berkaitan fakta-fakta, kepercayaan, perasaan, kehendak dan sebagainya. Dalam kajian ini soal selidik ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu Bahagian A melibatkan faktor demografi pelajar seperti jantina, bangsa, agama dan penglibatan aktiviti kokurikulum. Bahagian ini dibina sendiri oleh penyelidik berdasarkan data yang ingin diperolehi. Bahagian B pula terdiri daripada soalan-soalan yang menyentuh tentang keperluan aktiviti kokurikulum pelajar di sekolah menengah kebangsaan dalam unit beruniform. Jadual 3.2 di bawah menunjukkan jenis soalan yang dikemukakan dalam bahagian A iaitu berkaitan latar belakang responden.

**Jadual 1** Pembahagian Item Bahagian A Mengikut Latar Belakang Responden

| Item | Latar Belakang                   |
|------|----------------------------------|
| 1    | Jantina                          |
| 2    | Penglibatan aktiviti kokurikulum |

Bahagian B pula bertujuan untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan keperluan aktiviti kokurikulum dalam unit beruniform bagi pelajar tingkatan empat di lima buah sekolah menengah daerah Langkawi. Pembahagian soalan adalah seperti dinyatakan dalam jadual 2 di bawah.

**Jadual 2 : Pembahagian Item Bahagian B Berdasarkan Faktor Keperluan Aktiviti Kokurikulum Dalam Unit Beruniform.**

| Keperluan        | Jumlah |
|------------------|--------|
| Kepimpinan       | 10     |
| Nilai intergrasi | 10     |
| Disiplin         | 10     |

Maklumbalas untuk bahagian B dinilai melalui skala likert lima mata ukuran. Skala likert digunakan dimana responden dikehendaki menanda jawapan mereka tentang sesuatu kenyataan berdasarkan satu skala dari satu ekstrem kepada satu ekstrem yang lain (Mohd Najib, 1999). Mata ukuran ini disusun mengikut sejauh mana kecenderungan responden samada sangat setuju, setuju, kurang setuju, tidak setuju dan sangat tidak setuju terhadap keperluan aktiviti kokurikulum unit beruniform bagi pelajar tingkatan empat. Ukuran kecenderungan ini ditunjukkan dalam jadual 3 di bawah

**Jadual 3 : Pemeringkatan Skala Likert**

| Nilai Likert | Maklumbalas               |
|--------------|---------------------------|
| 1            | Sangat Tidak Setuju (STS) |
| 2            | Tidak setuju (TS)         |
| 3            | Kurang setuju (KS)        |
| 4            | Setuju (S)                |
| 5            | Sangat Setuju (SS)        |

Sumber Mohd Najib, (1999)

### Kajian Rintis

Kajian rintis digunakan untuk memastikan ketepatan item-item soal selidik dari sudut kefahaman responden samada dari segi bahasanya, isi kandungannya dan kejelasan maksudnya bagi mendapatkan kebolehpercayaan. Menurut Stanley & Sedlack (1992), tujuan kajian rintis adalah untuk mengenal pasti kesukaran-kesukaran item seperti salah faham terhadap soalan oleh responden, arahan yang tidak jelas dan masalah-masalah lain yang berkaitan.

Selain kajian rintis dilaksanakan sebelum kajian sebenar dilaksanakan adalah bagi memastikan kebolehpercayaan instrumen yang digunakan. Kebolehpercayaan merujuk kepada darjah konsisten pengukuran instrumen walau apa juga yang diuku (Gay, 1996). Kebolehpercayaan bagi sesuatu instrumen boleh dikenalpasti dengan menggunakan pelbagai kaedah statistik antaranya *Alfa Cronbach*.

Menurut (Mohd Najib, 1999), *Alfa Cronbach* adalah merupakan satu kaedah statistik yang membuat andaian bahawa sekiranya semua item menyoal perkara yang sama, maka responden akan memberikan jawapan yang agak sama untuk item yang mengukur konstruk yang sama. Melalui kaedah ini penyelidik mengetahui tahap kebolehpercayaan bagi setiap item yang diuji atau konsistensi dalaman bagi soal selidik yang dikemukakan. Item-item instrumen akan diperbaiki atau disingkirkan sekiranya tidak mencapai tahap kebolehpercayaan yang optimum. Analisis statistic ini dapat dilakukan secara mudah dengan menggunakan SPSS (*Statistical Package for the Social Science*).

Seramai 10 orang pelajar tingkatan empat dari satu buah Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Skudai terlibat dalam kajian rintis ini. Tujuan menjalankan kajian rintis terlebih dahulu untuk mengenal pasti sejauh mana kesesuaian keseluruhan penggunaan instrumen kepada responden kajian, terutamanya dalam penggunaan istilah dan struktur ayat. Selain daripada itu kajian rintis dilakukan untuk mengetahui sejauh mana responden memahami setiap pertanyaan dan soalan yang digunakan. Ini dilakukan dengan membenarkan responden bertanya kepada penyelidik. Seterusnya adalah untuk mengetahui sejauh manakah responden memahami kehendak soalan dan mengetahui kesesuaian soalan-soalan yang digunakan. Kajian rintis juga dilakukan untuk menjalankan analisis kesukaran dan indeks diskriminasi item.

## **Analisis Data**

**Jadual 4 : Purata peratusan dan min responden bagi persoalan kajian mengenai keperluan aktiviti kokurikulum (beruniform) kepada pelajar tingkatan empat di sekolah menengah kebangsaan di daerah langkawi.**

| No. Item                  | Pernyataan Soalan   | Respon (%)          |                |                 | Min                       |
|---------------------------|---|---------------------|----------------|-----------------|---------------------------|
|                           |   | Sangat Tidak Setuju | Kurang Setuju  | Sangat Setuju   |                           |
| 1.                        | Setiap pelajar perlu menganggotai sekurang-kurangnya satu unit beruniform yang ditubuhkan di sekolah. | 5<br>(1.6 %)        | 16<br>(5.3 %)  | 280<br>(93 %)   | T<br>(4.46)               |
| 2.                        | Saya suka berkawan dengan semua pelajar.  | 39<br>(13 %)        | 96<br>(31.9 %) | 262<br>(87 %)   | T<br>(4.39)               |
| 3.                        | Aktiviti kokurikulum dapat menjauhkan diri dengan masalah disiplin.                                   | 15<br>(5%)          | 25<br>(8.3 %)  | 261<br>(86.7 %) | T<br>(4.31)               |
| <b>Purata Keseluruhan</b> |   |                     |                |                 | <b>T</b><br><b>(4.38)</b> |

Setelah mendapatkan keputusan analisis data dan dapatan kajian, kesimpulan yang dapat dibuat secara keseluruhan adalah purata min bagi ketiga-tiga persoalan kajian ini adalah pada nilai 4.38

Melihat pada purata min bagi keempat-empat persoalan kajian ini, soalan kajian yang pertama menunjukkan nilai purata min yang tertinggi iaitu pada nilai 4.46. ini menunjukkan bahawa pelajar-pelajar di sekolah menengah kebangsaan di daerah Langkawi sangat bersetuju dengan keperluan aktiviti kokurikulum dari segi kepimpinan, nilai intergrasi dan disiplin. Penglibatan dalam kokurikulum boleh melatih pelajar-pelajar menjadi seorang pemimpin yang berkaliber, boleh mengawal diri dalam keadaan tertekan, berupaya membentuk warga negara yang sejahtera, rasa berjaya dan rasa termilik. Juga mendapat melalui kegiatan kokurikulum berjaya melahirkan kepimpinan yang lebih mengutamakan pendangan dan perasaan ahli-ahli sebelum melaksanakan sesuatu rancangan yang melibatkan rakan sebaya atau masyarakat luar. Penglibatan dalam kokurikulum akan memupuk sifat-sifat kepimpinan di kalangan pelajar dengan sifat tidak mementingkan diri sendiri tetapi sebaliknya lebih mengambil kira pandangan orang lain dalam membuat keputusan atau tindakan supaya matlamat yang ingin dicapai menjadi lebih berkesan.

### **Perbincangan**

Keperluan aktiviti kokurikulum adalah sangat penting pada masa kini. Kokurikulum merupakan satu aktiviti yang berfaedah dan berpengetahuan kepada pelajar sekolah. Dengan adanya aktiviti sebegini pelajar dapat mengisi masa lapang dengan kawan-kawan disamping mengadakan aktiviti yang berkualiti. Kokurikulum dalam sistem persekolahan sebelum ini sering dipandang sepi. Walaupun kegiatan seperti persatuan dan pasukan pakaian seragam memang sudah lama wujud, tetapi penilaian kecemerlangan pelajar berdasarkan prestasi akademik menyebabkan kebanyakan kegiatan kokurikulum dilakukan secara sambil lewa. Bagaimanapun, Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) bakal mengubah senario lama ini. Kementerian Pelajaran Malaysia (2006), telah menambahkan peruntukan yang telah disediakan sekarang sebanyak RM1.60 setahun bagi membiayai kegiatan kokurikulum setiap murid dan pelajar di negara ini, supaya sekolah dapat menganjurkan kegiatan yang lebih berkesan.

Peruntukan yang diberikan bagi membolehkan mereka menjalankan kegiatan dengan baiknya untuk pasukan beruniform. Ini bagi menghidupkan semula kegiatan kokurikulum untuk mengisi masa lapang pelajar selain mengelakkan gejala sosial berlaku di kalangan pelajar. Masalah disiplin berlaku berikutan pelajar tiada ruang melepaskan perasaan mereka, jadi dengan aktif dalam kokurikulum dapat membantu pelajar daripada terjebak dengan masalah disiplin. Oleh itu penyelidik ingin membincangkan keputusan berdasarkan tiga aspek persoalan kajian yang telah diutarakan iaitu:-

- i) Mengkaji peranan aktiviti kokurikulum dalam menerapkan kualiti kepimpinan, perwatakan sahsiah dan kemasyarakatan di kalangan pelajar.
- ii) Mengkaji peranan aktiviti kokurikulum dalam memupuk nilai intergrasi kaum di kalangan pelajar.
- iii) Mengkaji peranan aktiviti kokurikulum dalam meningkatkan tahap disiplin pelajar.

Kepimpinan, sahsiah dan kemasyarakatan diterapkan di kalangan pelajar supaya lebih dapat menyesuaikan diri dengan masyarakat sekeliling. Melalui kegiatan dan aktiviti kokurikulum perkembangan dan kematangan sosial seseorang boleh dibentuk dan diasuh daripada apa yang mereka lakukan. Secara tidak langsung pelajar akan terdedah kepada pergaulan dan berinteraksi sesama rakan sebaya ataupun dengan kumpulan orang yang lebih tua.

Melalui data yang diperolehi, kajian mendapat menyertai unit beruniform dalam aktiviti kokurikulum dapat memperbaiki keyakinan diri. Ini menunjukkan responden menyertai aktiviti kokurikulum dapat memperbaiki keyakinan diri supaya menjadi pemimpin yang berkeyakinan.

Dapatan kajian ini disokong oleh Rubiah (1998), menyatakan pemimpin seharusnya berupaya memandu, mendorong atau menggerakkan orang-orang yang dipimpin ke arah sesuatu matlamat tertentu. Dia harus mempunyai pengertian dan tanggapan yang tajam terhadap individu-individu yang paling berurusan dengannya. Kenyataan ini jelas menunjukkan bahawa pelajar seharusnya dipimpin untuk memperbaiki keyakinan diri supaya menjadi pemimpin yang berkeyakinan.

Secara kesimpulannya, melalui dapatan kajian ini dilihat bahawa para pelajar peka dengan kehendak semasa iaitu menjadi pemimpin yang mempunyai keyakinan diri yang tinggi. Ini berdasarkan fakta yang dinyatakan oleh Baharudin (1986) iaitu kegiatan kurikulum yang dilaksanakan di Sekolah Rendah pada peringkat awal adalah bermatlamat untuk memupuk dan mendidik masyarakat agar dapat menyediakan murid-murid bukan sahaja dalam pendidikan akademik, tetapi juga ilmu pengurusan, kepimpinan dan kemasyarakatan supaya lebih mudah dapat menyesuaikan diri dengan masyarakat sekeliling.

Oleh yang demikian, bagi meningkatkan tahap disiplin langkah yang telah diambil untuk menyelesaikan masalah itu ialah dengan memantapkan lagi aktiviti kurikulum di sekolah. Usaha-usaha sedemikian seharusnya dilaksanakan bagi menanggani

Berdasarkan daripada penganalisisan terhadap aspek ini 10 item yang telah dikemukakan dapat memberikan gambaran tentang aktiviti kurikulum dapat memupuk nilai intergrasi kaum di kalangan pelajar. Dapatan daripada kajian menunjukkan responden bersetuju dengan adanya aktiviti kurikulum dapat memupuk nilai intergrasi antara kaum di kalangan pelajar. Dapatan kajian ini adalah selaras dengan penyelidikan yang dilakukan oleh Burton (1981) tentang kriteria mengapa seseorang itu memilih untuk turut serta atau melibatkan diri dalam sesuatu aktiviti kurikulum. Kajian yang dilakukan menggunakan nilai personaliti dan penyertaan pelajar dalam aktiviti kurikulum di samping variabel data demografik terpilih untuk mengenalpasti sebab-sebab mereka ingin turut serta atau tidak mahu turut serta dalam aktiviti kurikulum.

Mengikut konsep intergrasi (1991), merupakan proses penyatuan kelompok-kelompok yang berbeza latar belakang, menjadi satu entiti yang terikat oleh norma dan nilai serta kepentingan bersama. Dengan ini menjelaskan bahawa nilai intergrasi kaum perlu ada dalam setiap diri pelajar bagi memupuk semangat masyarakat majmuk di sekolah dan juga negara.

## Rujukan

- Aminuddin Mohd. Yusof (1990). *Kepimpinan : Siri Analisis Psikologi* Kuala Lumpur Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon & Abdul Rahim Hamdan (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Professional.
- Che Wan Mohd Amil Bin Che Wan Sulaiman (1991). "Sikap Pelajar-pelajar Luar Bandar Terhadap Kegiatan Kokurikulum Sekolah: Satu Kajian Kes di Sekolah Menengah Kerdau, Temerloh, Pahang". UKM: Kajian Ilmiah. "Tidak Diterbitkan".
- Ee Ah Meng (1995) *Pendidikan Sebagai Suatu Proses Asas Pendidikan* Satu Shah Alam, Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Faridah Karim (1991). Peranan Kokurikulum ke arah Pembinaan Generasi Berdisiplin. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Goldhor. H. (1972). *An Introduction to Scientific Research in Librarianship..* Urbana, IL: University of Illinois
- Gordon, T (1995). *Group-centered Leadership* New York Houghton Mifflin.
- Hollander, E.P. 1978. *Leadership Dynamics*. New York: Free Press.

- Krejcie, R.V dan Morgan, D (1970). *Determining Sample Size for Research educational and Psychological Measurement*. 30. 607-601.
- Laporan Jawatankuasa Mengkaji Dasar Pelajaran* Kementerian Pendidikan Malaysia (1970) Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mashitah Hj. Ghazali (1994). Kegiatan Kokurikulum di Sekolah Membantu Membina Daya Kepimpinan di Kalangan pelajar Menengah ATAS Kolej Sultan Abdul Hamid UUM: Tesis Sarjana Pendidikan. "Tidak Diterbitkan".
- Omar Bin Saad (1992). *Pengurusan Masa Sekolah Menengah Swasta Seminar Nasional ke-2 Pengurusan Pendidikan i Institut Aminudin Baki*. 26 – 28 November, Halaman 8 hingga 9.
- Zuraidah Awaludin (2003). *Peranan Aktiviti Kokurikulum dan Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Penglibatan Pelajar: Satu Tinjauan Terhadap Pelajar Tingkatan 4 di Sekolah Menengah Kebangsaan Jerantut, Pahang*.
- Ee, A. M (1995). *Murid Dan Proses pembelajaran Asas Pendidikan 2*. Shah Alam. Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Panduan Am Disiplin Sekolah-Sekolah*. Kementerian Pelajaran Malaysia: (1981)
- Panduan Bagi Mengatasi Masalah Ponteng Di Sekolah*. Unit Disiplin Bahagian Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia 1994
- Panduan Tatacara Disiplin Sekolah Untuk Guru Besar Dan Guru*. (1988), Kementerian Pendidikan Malaysia : Dewan Bahasa & Pustaka